

FOSWOMYN 3g Granules For Oral Solution

Fosfomycin Trometamol 5.631g (bersamaan dengan 3g Fosfomycin)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *FOSWOMYN*
2. Bagaimana *FOSWOMYN* berfungsi
3. Sebelum mengambil *FOSWOMYN*
4. Cara menggunakan *FOSWOMYN*
5. Semasa menggunakan *FOSWOMYN*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *FOSWOMYN*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan *FOSWOMYN*

FOSWOMYN digunakan untuk merawat jangkitan pundi kencing atau jangkitan saluran kencing yang tidak rumit dalam kalangan perempuan yang berusia 18 tahun dan ke atas.

FOSWOMYN digunakan sebagai profilaksis antibiotik untuk biopsi prostat *transrectal* di lelaki dewasa.

Bagaimana *FOSWOMYN* berfungsi

FOSWOMYN mengandungi bahan aktif fosfomycin yang dalam bentuk garam fosfomycin trometamol. Ia berfungsi dengan membunuh bakteria yang menyebabkan jangkitan atau mencegah pertumbuhannya.

Sebelum mengambil *FOSWOMYN*

- Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda hipersensitif terhadap fosfomycin trometamol atau mana-mana bahan yang terkandung dalam *FOSWOMYN*.
- Pengambilan *FOSWOMYN* tidak disarankan jika anda mengalami kerosakan buah pinggang yang teruk (pembersihan kreatinin < 10mL/min).
- Jangan gunakan ubat ini pada kanak-kanak yang berumur bawah 12 tahun
- *FOSWOMYN* mengandungi sukrosa: Pengambilan *FOSWOMYN* tidak disarankan jika anda mempunyai masalah keturunan intolerans fruktosa, dengan malabsorpsi glukosagalaktosa atau kekurangan sucrase-isomaltas.
- *Foswomyn* hanya boleh diambil semasa mengandung jika betul-betul diperlukan

- Jangan mengambil *FOSWOMYN* jika anda sedang menyusui, melainkan jika anda sangat memerlukannya.

- Sebelum mula mengambil

Jika anda mempunyai sebarang ketidakpastian, tanya doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil produk ini.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sesetengah ubat boleh mengganggu di antara satu sama lain apabila diambil bersama *FOSWOMYN*. Ini termasuk

- Metoclopramide atau ubat lain yang boleh meningkatkan pergerakan makanan melalui saluran gastrousus kerana ia boleh mengurangkan penyerapan fosfomycin dalam badan dan mengurangkan keberkesanan *FOSWOMYN*.
- Antikoagulan, kerana kemampuannya dalam mencegah pembekuan darah mungkin boleh diubah oleh fosfomycin dan antibiotik lain

Pengambilan *FOSWOMYN* haruslah selang 2 – 3 jam daripada pengambilan ubat lain.

Cara menggunakan *FOSWOMYN*

- Berapa banyak harus digunakan

Untuk rawatan jangkitan pundi kencing atau jangkitan saluran kencing yang tidak rumit dalam kalangan perempuan yang berusia 18 tahun dan ke atas, dos disyorkan adalah satu uncang *FOSWOMYN* (3g fosfomycin)

Setelah mengambil *FOSWOMYN*, simptom dijangka bertambah baik dalam 2 atau 3 hari. Jika simptom anda tidak bertambah baik, sila jumpa doktor anda.

Apabila digunakan sebagai profilaksis antibiotik untuk biopsi prostat *transrectal* di lelaki dewasa, dos disyorkan adalah satu uncang *FOSWOMYN* (3g fosfomycin) sebelum operasi dan satu uncang *FOSWOMYN* (3g fosfomycin) selepas operasi.

- Bila perlu digunakan

Untuk rawatan jangkitan pundi kencing atau jangkitan saluran kencing yang tidak rumit dalam kalangan perempuan yang

berusia 18 tahun dan ke atas, *FOSWOMYN* mesti diambil dengan perut kosong, sebaiknya sebelum tidur, selepas mengosongkan pundi kencing.

- Berapa lama perlu digunakan

Ambil ubat ini mengikut arahan doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa..

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terlebih dos. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Rehidrasi adalah disarankan supaya dapat mengeluarkan Fosfomycin melalui air kencing.

Semasa menggunakan *FOSWOMYN*

- Perkara yang perlu dilakukan

Larutkan satu uncang ke dalam segelas air (50 – 75mL) atau ke dalam minuman tidak beralkohol yang diminati dan minum dengan segera selepas larut.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun simptom mereka serupa dengan anda..

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- *FOSWOMYN* boleh menyebabkan pening dan ini akan mempengaruhi kemampuan memandu atau mengendalikan mesin.
- Reaksi alahan boleh berlaku semasa rawatan dengan fosfomycin dan boleh mengancam nyawa. Jangan mengambil *FOSWOMYN* jika reaksi ini berlaku. Sila dapatkan rawatan perubatan daripada doktor anda.
- Sekiranya cirit-birit yang teruk dan berterusan berlaku semasa atau selepas rawatan antibiotik, beritahu doktor anda supaya terapi yang

FOSWOMYN 3g Granules For Oral Solution

Fosfomycin Trometamol 5.631g (bersamaan dengan 3g Fosfomycin)

sesuai dapat dimulakan dengan segera. Jangan mengambil ubat cirit-birit yang menghalang pergerakan usus (*antiperistaltics*).

Kesan-kesan sampingan

Kesan sampingan yang paling biasa ialah kesan-kesan yang menjejaskan gastrousus, terutamanya cirit-birit.

Kesan sampingan lain:

Kerap (mungkin menjejaskan sehingga 1 dalam 10 pengguna):

- jangkitan di faraj dengan gejala seperti keradangan, kerengsaan, rasa gatal (*vulvovaginitis*)
- sakit kepala
- pening
- cirit-birit
- loya
- ketidakhadaman
- sakit perut

Tidak kerap (mungkin menjejaskan sehingga 1 dalam 100 pengguna):

- muntah
- ruam
- geligata
- gatal-gatal

Tidak diketahui (kekerapannya tidak dapat dianggarkan daripada data yang sedia ada)

- reaksi alahan yang mengancam nyawa: serangan ruam secara tiba-tiba, gatal gatal pada kulit, sesak nafas, berdehit atau kesukaran bernafas (*anaphylactic shock*);
- bengkak muka, bibir, lidah atau tekak dengan kesukaran bernafas (*angioedema*);
- kejang perut yang ringan hingga teruk, najis berdarah dan / atau demam (*antibiotic-associated colitis*)

Jika mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau sekiranya anda mengalami kesan sampingan lain yang tidak dinyatakan di risalah ini, sila maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting*]

Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan

FOSWOMYN

- Penyimpanan

Simpan dalam bungkusan asalnya. Jangan gunakan jika bungkusan terbuka atau koyak. Simpan pada suhu tidak melebihi 30°C Untuk pengambilan serta-merta selepas pencairan, buang mana-mana bahagian yang tidak digunakan.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Butir-butiran putih atau hampir putih tanpa gumpalan atau zarah Larutan yang dilarutkan adalah larutan keruh sedikit keputihan dengan bau buah (oren-mandarin).

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Fosfomycin trometamol

Bahan tidak aktif

Sucrose, Saccharin Sodium, Mandarin flavour, Orange flavour.

- Nombor MAL

MAL*****

Pengilang

LABIANA PHARMACEUTICALS
S.L.U.

C/ Casanova 27-31,
08757 Corbera de Llobregat
(Barcelona) Spain

Pemegang Pendaftaran Produk

Medispec (M) Sdn Bhd
B-1-07, Jalan SS 25/22,
Taman Mayang,
47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

07/11/2024